



## KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada artikel berjudul 'Peniaga Pasar Presint 16 Mengalah' yang disiarkan melalui segmen Sentral, Berita Harian pada 28 Mei 2010.

Pasar Awam Presint 16 telah dibuka semula pada 25 Mac 2010 setelah beberapa tahun tidak beroperasi. Konsep pengurusan pasar ini adalah melalui pengurusan operator swasta tunggal (Pengurus Pasar (PP)) yang mengusahakan sendiri lot-lot gerai ataupun menyewakan lot-lot gerai kepada peniaga-peniaga lain.

Kadar sewa lot-lot gerai adalah tertakluk kepada hasil rundingan di antara pihak PP dan peniaga-peniaga yang berminat untuk bermiaga di pasar ini. Pihak PP bertanggungjawab ke atas penyelenggaraan kebersihan, kawalan keselamatan, pengurusan peniaga dan juga urusan promosi. Kadar sewa yang dikenakan adalah termasuk kos-kos yang tersebut di atas. Perkhidmatan tambahan yang ditawarkan oleh pasar ini adalah perkhidmatan troli, pesanan melalui telefon dan penghantaran ke rumah bagi membantu menaikkan jualan oleh peniaga dan juga sebagai salah satu usaha untuk menarik langganan. Ini adalah satu penambahbaikan perkhidmatan yang ditawarkan kepada penduduk sekitar.

Pasar awam ini baru beroperasi lebih kurang 2 bulan dan masih dalam tempoh awal perniagaan. Terdapat 21 lot gerai kesemuanya di Pasar Awam Presint 16 dan ketika ini, sebanyak 10 gerai telahpun beroperasi iaitu gerai ikan, ayam, daging, sayuran, bunga, rempah-ratus dan buah-buahan. Bilangan ini adalah jauh lebih baik berbanding sebelum ini di mana hanya terdapat 1 gerai ayam sahaja beroperasi.

Tinjauan pihak PPj ke pasar mendapati tidak semua peniaga yang berpendapat sepertimana yang telah dilaporkan di dalam akhbar. Pihak PP sedang berusaha untuk memenuhi lot-lot gerai yang masih kosong dan sedang merangka program promosi bagi menarik lebih ramai pengunjung ke pasar ini.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.



( ZAHARAH SALAMAT )  
**Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam**  
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 04 Jun 2010